

545.  
MAHATHIR-CACAT

1975

PULAU PINANG, 28 JUN (BERNAMA) -- PARA IBUBAPA DISERU MEMBERI PELUANG KEPADA ANAK-ANAK YANG CACAT MELATIH DIRI MENGHADAPI HIDUP YANG LEBIH CERAH.

MEREKA HENDAKLAH SANGGUP BERCERAI DENGAN ANAK-ANAK INI BUAT SEMENTARA WAKTU DAN MENGHANTAR MEREKA KE SEKOLAH-SEKOLAH YANG DIADAKAN KHAS, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED.

BELIAU BERUCAP DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KANAK-KANAK PEKAK PERSEKUTUAN DISINI.

KATANYA, PARA IBUBAPA TIDAK SEHARUSNYA SEGAN-SEGAN MEMBERITAHU PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN AKAN KECACATAN YANG MENIMPA ANAK-ANAK MEREKA.

-- BERSAMBUNG 1330/SZ

546.  
MAHATHIR-CACAT 2 PULAU PINANG

KEPADA PARA GURU DI SEKOLAH ITU, DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN DARI MENJADI PENDIDIK, MEREKA MERUPAKAN PENJAGA, KALIAN, PENASIHAT DAN ORANG PERANTARAAN KEPADA KANAK-KANAK CACAT.

BELIAU BERHARAP GURU-GURU ITU, DAPAT MENJALANKAN USAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MENOLONG KANAK-KANAK YANG MASIH MUDA ITU MEMBESAR DALAM KEADAAN YANG JAUH BERBEZA DENGAN KANAK-KANAK BIASA.

+ADALAH MENJADI TUGAS KITA UNTUK MENOLONG DAN MEMBIMBING KANAK-KANAK AGAR MEREKA MENJADI SALAH SEORANG ANGGOTA MASYARAKAT YANG BERGUNA DAN BOLEH BERDIRI DI ATAS KAKI SENDIRI, + KATANYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA SERAMAI 50 ORANG KANAK-KANAK PEKAK AKAN DITERIMA MASUK KE SEKOLAH ITU TAHUN HADAPAN. SEKARANG ADA SERAMAI 372 ORANG PELAJAR DI SEKOLAH ITU. -- BERNAMA 1333/SZ